

Tajuk : **Pengharaman Ajaran Azhar bin Wahab (Pengasas al-Mansur Holding Sdn. Bhd.)**

Kategori: **Akidah**

Tahun: **2004**

Status Pewartaan: **Diwartakan**

Negeri: **Terengganu**

Keputusan : Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 50(6) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M (En. Tr. 2/2001), setelah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan setelah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini menyiarkan fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 50 Enakmen ini seperti yang dinyatakan dalam jadual.

JADUAL

AJARAN AZHAR BIN WAHAB

1. Ajaran Azhar bin Wahab didapati bertentangan dengan fahaman akidah al-Sunnah wal-Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.

2. Bahawa mana-mana kumpulan atau orang perseorangan yang berpegang dan mengamalkan ajaran Azhar bin Wahab dianggap menyalahi hukum syarak dan wajib bertaubat.



[Klik disini untuk mencetak](#)

Total Execution Time: 0.0368 seconds